



320 ketua isi rumah Orang Asli terima bantuan makanan

SERAMAI 320 ketua keluarga Orang Asli di tiga perkampungan menerima bantuan makanan di bawah program Food Bank dalam musim tengkujuh dan pandemik Covid-19.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ismail Mohamed Said berkata, tiga kampung itu adalah Kampung Paya Mendoi, Kampung Seboi dan Kampung Paya Pelung. Beliau berkata, barangan diterima oleh setiap ketua isi rumah terbabit antaranya beras, telur,

gula, minyak, air minuman dan susu.

Ismail berkata, program murni itu wajar diperluaskan membabitkan kerjasama pelbagai pihak seperti korporat, hartawan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di seluruh negara.

■ ISMAIL Mohamed Said (dua dari kiri) menyantuni dan menyampaikan bantuan makanan asas di bawah program Food Bank di tiga buah kampung Orang Asli di Kuala Krau, Pahang baru-baru ini.

